

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2003**

---

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN PEGAWAI YANG  
DINAIKKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN (KPSL) DI BAWAH  
SISTEM SARAAAN MALAYSIA**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan kaedah penetapan gaji permulaan pegawai Perkhidmatan Awam yang dinaikkan pangkat secara lantikan (KPSL) di bawah Sistem Saraan Malaysia.

**DEFINISI**

2. Untuk maksud Pekeliling Perkhidmatan ini:

**“jawatan KPSL”** ialah jawatan yang skim perkhidmatannya menyediakan peluang pelantikan secara KPSL kepada pegawai yang layak; dan

**“jawatan sebelumnya”** ialah jawatan terakhir yang disandang oleh pegawai sebelum dilantik secara KPSL.

**LATAR BELAKANG**

3. KPSL adalah merupakan satu daripada urusan pelantikan pegawai sedang

berkhidmat. Urusan pelantikan KPSL tidak ditakrifkan sebagai kenaikan pangkat. Di bawah Sistem Saraan Baru, penetapan gaji permulaan pegawai adalah berdasarkan prinsip “matagaji tertinggi berhampiran” terhad di Peringkat 1 (P1). Walau bagaimanapun di bawah Sistem Saraan Malaysia prinsip ini telah dipinda dan dipanjangkan kepada pegawai yang dilantik secara KPSL.

#### **KAEDAH PELAKSANAAN**

4. Pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan dilantik ke jawatan lain secara KPSL, gaji permulaan boleh ditetapkan pada matagaji yang lebih tinggi berhampiran di P1 dalam Jadual Gaji Matrik (JGM) jawatan KPSL. Perbezaan di antara gaji akhir di jawatan sebelumnya dengan gaji permulaan di jawatan KPSL hendaklah tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di gred jawatan sebelumnya.

5. Jika matagaji di P1 jawatan KPSL tidak dapat menampung gaji permulaan yang layak dibayar mengikut prinsip di perenggan 4 di atas, maka gaji permulaan hendaklah ditetapkan di Peringkat 2 (P2) mengikut prinsip yang sama. Sekiranya matagaji di P2 masih tidak dapat menampung, gaji permulaan pegawai hendaklah ditetapkan di Peringkat 3 (P3) mengikut prinsip yang sama. Contoh penetapan gaji permulaan adalah seperti **Lampiran A** dan **B**.

6. Sekiranya pelantikan secara KPSL dikebelakangkan sebelum tarikh pergerakan gaji di jawatan sebelumnya yang menyebabkan gaji permulaan yang ditawarkan di jawatan KPSL lebih rendah daripada gaji di jawatan sebelumnya yang sedang diterima pada tarikh KPSL diumumkan, pegawai hendaklah ditawarkan gaji permulaan mengikut prinsip seperti di perenggan 4 dan 5 di atas, pada tarikh KPSL diumumkan atau pada tarikh mereka melaporkan diri untuk menjalankan tugas jawatan KPSL, mengikut mana yang terkemudian. Gaji di jawatan KPSL pada tarikh KPSL dikuatkuasakan akan diselaraskan **secara isyarat sahaja**. Contoh penetapan gaji permulaan adalah seperti **Lampiran C**.

## **PEMAKAIAN**

7. Pemakaian Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan, tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.


## **PEMBATALAN**

8. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1997 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1997 dengan ini adalah dibatalkan.

## **TARIKH KUAT KUASA**

9. Pekeliling Perkhidmatan ini dikuatkuasakan mulai 1 November 2002.

## **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

17 JANUARI 2003

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

## Lampiran A

### CONTOH PENETAPAN GAJI PERMULAAN KPSL DI PERINGKAT 1 (P1)

<b>Maklumat</b>	<b>Jawatan Sebelumnya</b>	<b>Jawatan KPSL</b>
Nama jawatan	Pembantu Tadbir Gred N17	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27
Tarikh kuat kuasa KPSL	-	1 Julai 2003
<b>Gaji pada 1 Julai 2003</b> (tarikh kuat kuasa KPSL)	RM1015.67 (P1T10)	RM1070.12 (P1T3), iaitu (RM1015.67) + (RM39.93 atau P1T10 – P1T9 di jawatan sebelumnya) dan diselaraskan kepada matagaji tertinggi berhampiran di jawatan KPSL.

#### NOTA:

Gaji di P1 jawatan KPSL boleh menampung gaji permulaan yang layak diterima oleh pegawai. Perbezaan gaji di jawatan sebelumnya dengan gaji permulaan di jawatan KPSL adalah sebanyak RM54.45, iaitu lebih daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan sebelumnya (RM39.93) atau (RM1015.67 / P1T10 – RM975.74 / P1T9 = RM39.93).

**CONTOH PENETAPAN GAJI PERMULAAN KPSL  
DI PERINGKAT 3 (P3)**

<b>Maklumat</b>	<b>Jawatan Sebelumnya</b>	<b>Jawatan KPSL</b>
Nama jawatan	Pembantu Perangkaan Gred N26	Penolong Pegawai Perangkaan Gred N27
Tarikh kuat kuasa KPSL	-	1 Disember 2004
<b>Gaji pada 1 Disember 2004</b> (tarikh kuat kuasa KPSL)	RM2612.87 (P2T9)	RM2724.19 (P3T26), iaitu (RM2612.87) + (RM85.91 atau P2T9 – P2T8 di jawatan sebelumnya) dan diselaraskan kepada matagaji tertinggi berhampiran di jawatan KPSL.

**NOTA:**

Gaji maksimum di jawatan KPSL pada P1 (RM2421.69) dan P2 (RM2570.52) tidak dapat menampung gaji akhir pegawai di jawatan sebelumnya iaitu **RM2612.87 (P2T9)**. Oleh itu gaji permulaan di jawatan KPSL ditetapkan di P3T26 (RM2724.19). Perbezaan gaji akhir di jawatan sebelumnya dengan gaji permulaan di jawatan KPSL adalah sebanyak RM111.32 (RM2724.19 – RM2612.87), iaitu lebih daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan sebelumnya (RM85.91) atau (RM2612.87 / P2T9 – RM2526.96 / P2T8 = RM85.91).

**Lampiran C**

**CONTOH PENETAPAN GAJI PERMULAAN KPSL YANG TARIKH KUAT KUASANYA DIKEBELAKANGKAN**

<b>Maklumat</b>	<b>Jawatan Sebelumnya</b>	<b>Jawatan KPSL</b>
Nama Jawatan	Pembantu Perangkaan Gred N26	Penolong Pegawai Perangkaan Gred N27
Tarikh Pergerakan Gaji	Oktober	Januari
<b>Tarikh kuat kuasa KPSL</b>	-	1 Mac 2004
<b>Tarikh KPSL diumumkan</b>	-	1 November 2004
<b>Gaji pada 1 Mac 2004 (tarikh KPSL dikuatkuasakan)</b>	RM2072.00 (P1T5)	RM2185.74 (P1T23) [gaji permulaan KPSL (secara isyarat)]
Gaji pada 1 Oktober 2004 (tarikh pergerakan gaji di jawatan sebelumnya) – pegawai mendapat anjakan gaji	RM2355.14 (P2T6)	RM2185.74 (P1T23)
<b>Gaji pada 1 November 2004 (tarikh KPSL diumumkan)</b>	RM2355.14 (P2T6)	RM2185.74 (P1T23)
Tarikh memulakan tugas jawatan KPSL	-	4 November 2004
Gaji pada 4 November 2004	-	RM2488.24 (P2T25), iaitu (RM2355.14) + (RM85.91 atau P2T6 – P2T5 di jawatan sebelumnya) dan diselaraskan kepada matagaji tertinggi berhampiran di jawatan KPSL.

## NOTA

Berdasarkan contoh di atas, Pembantu Perangkaan Gred N26 hanya layak dibayar gaji permulaan **jawatan KPSL** sebanyak **RM2185.74 (P1T23)** pada tarikh KPSL diumumkan (1 November 2004), sedangkan pada tarikh itu pegawai telah menerima gaji di **jawatan sebelumnya** sebanyak RM2355.14 (P2T6). Ini bermakna pada tarikh tersebut, gaji di **jawatan KPSL** pegawai kurang sebanyak RM169.40 (RM2355.14 - RM2185.74). Untuk mengatasi masalah ini, pegawai boleh dibayar gaji sebanyak RM2488.24 (P2T25), iaitu (RM2355.14) + (RM85.91 atau P2T6 – P2T5 di jawatan sebelumnya) dan diselaraskan kepada matagaji tertinggi berhampiran dalam JGM **jawatan KPSL** mulai 4 November 2004, iaitu tarikh beliau memulakan tugas jawatan tersebut. Tarikh pergerakan gaji **jawatan KPSL** pada 1 Januari.